

## **KENYATAAN MEDIA OLEH KETUA MENTERI PULAU PINANG SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI “MASTER AGREEMENT FOR PROJECT DELIVERY PARTNER FOR THE TRANSPORT MASTER PLAN” DI ANTARA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DAN SRS CONSORTIUM PADA 1 JULAI 2020 DI GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

---

Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini telah menandatangani Perjanjian *Project Delivery Partner* (PDP) bagi pelaksanaaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (*Penang Transport Master Plan - PTMP*).

Perjanjian ini merangkumi komponen LRT Bayan Lepas (BL LRT), Lebuhraya Pan Island Link 1 dan 2A (PIL 1 dan PIL 2A), dan projek *Penang South Reclamation* (PSR).

Tugas segera SRS lantaran penandatanganan perjanjian ini adalah memulakan pelaksanaan penambakan Pulau A dan komponen LRT.

Kerajaan Negeri akan mengumumkan tender terbuka untuk melantik kontraktor berkelayakan bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan.

Sebagai pemilik projek, Kerajaan Negeri akan mematuhi segala syarat yang termaktub dalam laporan kajian EIA (Penilaian Alam Sekitar) yang telah diluluskan.

Perjanjian ini ditandatangani di antara Kerajaan Negeri dan SRS Consortium. Ketua Menteri, YAB Tuan Chow Kon Yeow mewakili Kerajaan Negeri manakala SRS diwakili, Dato' Lin Yun Ling.

Sebelum ini, SRS telah diberi “*Letter of Award*” (LOA atau Surat Setuju Terima) pada 12 Ogos 2015 bagi membolehkan PDP mendapatkan kelulusan agensi-agensi berkaitan untuk

melaksanakan komponen-komponen PTMP. Sejak itu, Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan PIL 1 dan PSR.

Skim kereta api BL LRT juga telah melalui pemeriksaan awam dari tempoh 19 Ogos hingga 19 November 2019, dan kini dalam proses mendapat kelulusan akhir. Kerajaan Negeri telah menerima sokongan 97 peratus responden bagi pelaksanaan LRT di Pulau Pinang sepanjang tempoh pemeriksaan awam tersebut.

Penandatanganan perjanjian ini menjadi satu lagi detik penting dalam usaha Pulau Pinang merealisasikan PTMP selaras dengan Visi Penang2030 yang menggariskan pendekatan serampang empat mata untuk memperkasakan enjin ekonomi rantau ini. Matlamat-matlamat inisiatif berkaitan adalah penambahbaikan kebolehhidupan, penjanaan peluang ekonomi baru, pemerkasaan rakyat dan kelestarian alam sekitar.

PTMP dan PSR merupakan projek Kerajaan Negeri yang dilihat sebagai projek Transformasi Ekonomi Pulau Pinang bagi tempoh 50 tahun yang akan datang untuk mewujudkan hub perkhidmatan serta pembuatan antarabangsa yang lebih mantap.

Ia merupakan langkah utama dalam mengubah landskap negeri Pulau Pinang menjadi negeri yang moden dan pintar, menyediakan pendapatan yang lebih tinggi serta kualiti kehidupan lebih baik. Selain itu, dengan perkembangan teknologi pesat di peringkat antarabangsa dan sekiranya kita tidak bertindak secara proaktif dalam mewujudkan persekitaran bersepadu dengan mod intensif teknologi maklumat (IT) serta kemudahan yang canggih, nescaya Negeri Pulau Pinang bakal terpinggir dalam arus pemodenan.

Selaras itu, Kerajaan Negeri juga dalam proses menubuhkan sebuah syarikat tujuan khas (SPV) yang akan menerbitkan bon untuk membiayai komponen Bayan Lepas LRT.

Sebagai sebuah pentadbiran yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memastikan rakyat sentiasa mendapat akses kepada maklumat terkini mengenai PTMP dan komponen-komponennya sepanjang tempoh pembinaan.

Malah, Kerajaan Negeri juga percaya bahawa masa depan Pulau Pinang adalah bergantung kepada pembangunan projek-projek mega ini iaitu PTMP dan PSR. Projek-projek ini akan menjadi produk transformasi penting untuk pertumbuhan kompetitif yang secara tidak langsung akan membawa Pulau Pinang ke persada antarabangsa iaitu sebagai sebuah negeri pintar dalam dekad yang akan datang.

## **CHOW KON YEOW**